



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12 tengah hari, Ahad 22 Oktober 2023.

Untuk Terbitan Media

22 Oktober 2023

SIARAN MEDIA

MYFUTUREJOBS MAMPU RUNGKAI ISU KETIDAKPADANAN KERJA

ALERT: 4,000 PELUANG KERJAYA DI PELBAGAI SEKTOR DITAWARKAN

KUALA LUMPUR: Padanan kerja menerusi portal MYFutureJobs mampu membendung isu kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran yang dikesan masih meruncing.

Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran atau 'skill-related underemployment' bermaksud mereka yang mempunyai kelayakan pendidikan tinggi tetapi bekerja di sektor separuh mahir atau berkemahiran rendah.

Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata situasi yang menyumbang kepada masalah ketidakpadanan kerja di Malaysia itu merekodkan situasi membimbangkan, meskipun perkembangan mengenai kadar pengangguran dan jumlah tawaran kerja menunjukkan tanda pemulihan. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) setakat suku kedua 2023, beliau berkata, seramai 1.91 juta individu di negara ini dibelenggu masalah ketidakpadanan kerja, iaitu peningkatan 6.4 peratus berbanding 1.795 juta individu pada suku sama tahun lalu.

"Justeru, isu ketidakpadanan kerja harus ditangani dengan sebaiknya dan saya yakin bahawa penganjuran Karnival Aspirasi MYFutureJobs ini mampu menjadi antara platform penyelesaian. Beliau juga turut berpesan kepada para majikan agar jangan takut untuk memaklumkan status jawatan dan skop tugas yang ditawarkan dan sebaiknya menawarkan jawatan berstatus tetap kepada pencari kerja sebagai galakan kepada pencari kerja memohon jawatan dan kekal bekerja, ini kerana walaupun para pencari kerja ditawarkan jawatan tetap mereka masih tetap terikat dengan polisi dan peraturan di bawah Akta Kerja 1955. Ini berikutan terdapat

dikalangan pencari kerja tempatan berasa ragu dan kurang yakin dengan tawaran berstatus kontrak yang ditawarkan.

“Di samping **4,000 peluang pekerjaan** yang ditawarkan daripada **20 majikan** yang menyertai karnival ini, beliau juga turut berpesan kepada orang ramai boleh memanfaatkan kemudahan profiling untuk tujuan padanan kerjaya menerusi portal pekerjaan negara MYFutureJobs,” katanya ketika ucap tama perasmian Karnival Aspirasi MYFutureJobs Titiwangsa, di sini, hari ini. Selain temu duga secara langsung, karnival yang dianjurkan di Dewan Perdana Keramat Mall menyajikan pelbagai pengisian seperti taklimat Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR), taklimat kebolehpasaran, kaunseling kerjaya, pameran agensi kerajaan, pemeriksaan kesihatan percuma, demonstrasi hiasan kek, gubahan bunga dan penjagaan kuku, serta jualan rahmah oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Berdasarkan statistik sehingga 31 September lalu, PERKESO melaksanakan 16 karnival kerjaya berskala besar, selain 3,055 sesi temu duga harian dan khas berskala bersederhana di seluruh Malaysia, termasuk **181** karnival seumpamanya di Kuala Lumpur. Untuk rekod bagi tempoh dari Januari 2022 hingga 31 September lalu, seramai **463,811** pencari kerja berjaya memperoleh pekerjaan menerusi portal MYFutureJobs, termasuk **61,368** daripadanya adalah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

Ditubuhkan pada 1971, PERKESO kini menyediakan jaringan perlindungan sosial kepada lebih 9 juta pencarum, 494,673 majikan aktif di Malaysia. Pasca 2018, PERKESO berperanan merancakkan pasaran buruh merangkumi gantian pendapatan, padanan kerjaya, peningkatan kemahiran serta bimbingan kerjaya. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
22 OKTOBER 2023**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-619 3181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my